

21 OCT 1998

MAHATHIR-KAPITALIS

ASIA DIANGGAP KAPITALIS KRONI BILA TUTUP PINTU KEPADA BARAT

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barat seringkali menyifatkan negara-negara Asia sebagai kapitalis kroni apabila kerajaan-kerajaan mereka menutup pintu kepada penyertaan asing.

Daripada pemerhatian beliau, Dr Mahathir berkata "Apa yang Barat mahu daripada negara-negara Asia ialah agar mereka (negara-negara Asia) membuka segalanya kepada orang asing dengan alasan syarikat-syarikat mereka (Barat) merupakan syarikat-syarikat paling cekap."

"Mereka membayangkan bahawa jika kita tidak membuka pintu kepada mereka, itu adalah tindakan kapitalisme kroni," katanya pada satu majlis taklimat akhbar di sini hari ini mengenai lawatan beliau ke Jepun.

Di kebanyakan negara Asia, kata beliau, sekatan-sekatan dikenakan ke atas penyertaan asing, terutamanya dari Barat.

Menurut beliau, sekatan-sekatan begitu kuat di Korea Selatan sehinggakan Ford Motor Co, firma kereta gergasi dari A.S. tidak dapat membeli Kia Motors, pembuat kereta Korea Selatan yang bermasalah. Kia Motors telah dibeli dan diambil alih oleh Hyundai, sebuah lagi firma Korea Selatan.

Dalam kes Malaysia, kata beliau, kerajaan memilih untuk mengadakan peluang-peluang kepada rakyatnya sendiri melalui penswastan, satu langkah yang tidak digemari oleh Barat.

Tindakan Malaysia ini adalah jauh bebezanya daripada penswastan entiti-entiti kerajaan di Amerika Latin di mana orang asing boleh membeli dan mengambil alih segalanya, tegas Perdana Menteri.

"Jika Malaysia membenarkan ini, rakyat tempatan (hanya) akan menjadi pekerja, yang bersamaan dengan satu bentuk penjajahan baru," beliau menekankan.

"Kita tidak mahu syarikat-syarikat kita diambil alih, itulah sebabnya kita tidak menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana satu daripada syarat-syarat Dana tersebut ialah membuka ekonomi kita 100 peratus," katanya.

"Malaysia tidak bersedia untuk tunduk kepada tuntutan mereka," tegas Perdana Menteri, sambil menambah bahawa beliau percaya Barat akan meneruskan perjuangannya melalui platform Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dr Mahathir menegaskan bahawa bekas Setiausaha Negara Amerika Dr Henry Kissinger pernah mengingatkan dalam satu rencana bahawa "Syarikat korporat Amerika tidak harus membeli syarikat-syarikat Asia yang murah dan menjadikannya syarikat Amerika."

Perdana Menteri juga berkata Jepun sendiri tidak mahu melihat Amerika mengambil alih syarikat, malah sekatan-sekatan Jepun adalah lebih ketat lagi jika dibandingkan dengan Malaysia.

Beliau berkata Jepun sebelum ini telah merancang untuk memberikan bantuan kewangan berjumlah AS\$100 bilion kepada negara-negara Asia yang terjejas oleh krisis kewangan serantau tetapi Amerika Syarikat telah menggagalkan usaha ini.

A.S. merasakan bahawa jika Jepun mempunyai begitu banyak dana, IMF tidak akan berjaya mengenakan pengaruhnya ke atas negara-negara yang menerima bantuan Jepun, jelas beliau.

Bagaimanapun, baru-baru ini Jepun telah mencadangkan satu pakej kewangan berjumlah AS\$30 bilion bagi membantu memulihkan ekonomi-ekonomi

Asia yang tenat dalam kemelut ekonomi sekarang.

Apabila diminta mengulas kenyataan canselor baru Jerman Gerhard Schroeder bahawa perlu wujud satu bentuk had ke atas spekulasi kewangan, Dr Mahathir berkata pandangan Malaysia tentang menguruskan ekonominya sendiri telah mula diterima.

Malah, pedagang dan spekulator matawang George Soros sendiri telah juga menerima pendirian Malaysia mengenai had-had kepada spekulasi kewangan dan agak menyokong langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Malaysia, katanya.

Menurut Perdana Menteri banyak pihak kini mengutuk pedagang matawang dan inilah juga orangnya yang sebelum ini menyalahkan kerajaan-kerajaan Asia sebagai penyebab krisis serantau sekarang.

Beliau sekali lagi memetik kata-kata Dr Kissinger bahawa kegawatan serantau bukan disebabkan oleh pentadbiran yang lemah tetapi disebabkan oleh perdagangan matawang.

-- BERNAMA

AA KY MA